

**[THE EMPOWERMENT OF NUN SAAKIN AND TANWEEN AMONG VISUAL DISABLED PEOPLE]**

**PENGUASAAN HUKUM NUN MATI ATAU TANWIN DALAM KALANGAN ORANG CACAT PENGLIHATAN**

ABU HASSAN BASORI ABDULLAH<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej al-Quran Terengganu, Kampus Padang Midin, 21400 Marang, Terengganu, MALAYSIA.  
Email: abuhassanbasoriabdullah@gmail.com

---

Received: 2 January 2021

Accepted: 15 Febuary 2021

Published: 22 March 2021

---

**Abstract**

*This study is a survey conducted to identify the level of mastery of the law of Nun Saakin or Tanween among the visually impaired in the Association of the Visually Impaired Islamic Malaysia (PERTIS) Kuala Terengganu. The study sample consisted of 20 visually impaired respondents who attended the Quran study class at the Association of the Visually Impaired Islamic Malaysia (PERTIS), Kuala Terengganu branch. This study was conducted in quantitative form to identify the legal and practical mastery of the law of Nun Saakin or Tanween, identify the mastery of the law of Nun Saakin or Tanween as a whole and the relationship between the theoretical and practical mastery of respondents. The study data were obtained through a set of oral tests containing 15 test questions consisting of legal constructions of Nun Saakin or Tanween which were tested theoretically and practically. The results of the analysis found that the level of mastery of the reading of the law of Nun Saakin or Tanween as a whole is at a very good level (mean = 84.00). Theoretical mastery is at an excellent level (mean = 84.67), while practical mastery is also at an excellent level (mean = 83.33). The results of this study also found that there is no significant relationship ( $r = 0.283$   $p > 0.01$ ) between theory and practice on the mastery of the law of Nun Saakin or Tanween in the recitation of the Quran. This shows that the lack of sensory ability is not an obstacle to the skill of reading the Qur'an well and tajwid.*

**Keywords:** Tajweed, Visually Impaired, Nun Saakin or Tanween, PERTIS

**Abstrak**

Kajian ini adalah satu tinjauan yang dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan hukum *Nun mati* atau *Tanwin* dalam kalangan orang cacat penglihatan di Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Kuala Terengganu. Sampel kajian terdiri daripada 20 orang responden cacat penglihatan yang mengikuti kelas pengajian al-Quran di Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), cawangan Kuala Terengganu. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif untuk mengenal pasti penguasaan hukum *Nun mati* atau *Tanwin* secara teori dan praktikal, mengenal pasti penguasaan hukum *Nun mati* atau *Tanwin* secara keseluruhan serta perkaitan antara penguasaan teori dan praktikal responden. Data kajian diperolehi melalui satu set ujian lisan yang mempunyai 15 soalan ujian yang terdiri daripada konstruk hukum *Nun mati* atau *Tanwin* yang diuji secara teori dan praktikal. Hasil analisis mendapati tahap penguasaan

bacaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara keseluruhan berada pada tahap yang sangat baik ( $\text{min}=84.00$ ). Penguasaan secara teori pula pada tahap yang sangat baik ( $\text{min}=84.67$ ), manakala penguasaan secara praktikal juga pada tahap yang sangat baik ( $\text{min}=83.33$ ). Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan ( $r=0.283 \ p>0.01$ ) antara teori dan praktikal terhadap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* dalam bacaan al-Quran. Ini menunjukkan bahawa kekurangan keupayaan pancaindera bukan merupakan penghalang kepada kemahiran membaca al-Quran dengan baik dan bertajwid.

**Kata kunci:** Tajwid, Cacat Penglihatan, hukum Nun mati atau *Tanwin*, PERTIS

## PENGENALAN

Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang bermukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril AS, ditulis dalam mushaf, diriwayatkan daripada generasi kepada generasi secara mutawir, membacanya dikira ibadat dan diberi pahala, dimulai dengan surah *al-Fatihah* dan diakhiri dengan surah *al-Nas* (al-lsmail, 2000). Ia merupakan kitab terakhir yang diturunkan dan sekaligus memansuhkan kitab-kitab suci yang terdahulu. Ia berfungsi sebagai manual rujukan yang lengkap, sesuai dan fleksibel bagi seluruh umat manusia dalam semua aspek kehidupan merentasi zaman.

Amalan pembacaan al-Quran sangat dituntut di sisi kaca mata Islam kerana posisinya sebagai satu ibadah yang diberikan ganjaran. Perkara ini dapat diperhatikan melalui firman Allah SWT yang bermaksud: Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah dan melaksanakan solat dan menginfakkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepadanya secara diam dan terangan, mereka mengharapkan perniagaan yang selamanya tidak rugi. Agar Allah menyempurnakan pahalanya kepada mereka dan menambah kurniaan Nya, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mensyukuri. Fatir (35): 29-30.

Al-Quran wajib dipelajari oleh *mukallaf* yang telah cukup syarat *taklif*, iaitu Islam, *baligh*, *mumayyiz*, dan berakal. Kewajipan membaca al-Quran dengan bertajwid merupakan tuntutan Fardhu Ain (al-Juraishi, t.th), termasuk orang cacat penglihatan. Al-Quran khususnya, surah *al-Fatihah* perlu dibaca dengan kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan. Kesilapan atau kelemahan dalam menentukan kaedah dan aturan boleh membawa kepada pembacaan yang tidak diiktiraf sebagai bacaan al-Quran (Muhamad, 2010) dan seterusnya mempengaruhi nilai ibadat seseorang. Membaca al-Quran dengan betul dari segi tajwid dan *makhrajnya* supaya tidak terpesong pengertiannya menjadi tuntutan agama ke atas orang Islam kerana membaca al-Quran dapat membentuk akidah dan akhlak individu. Pembacaan al-Quran juga merupakan ibadat di sisi Allah SWT. Hal ini dijelaskan oleh pengertian al-Quran dari segi terminologi yang terdiri dari ungkapan yang bermaksud: "membacanya adalah satu ibadah" (Hassan, 2007).

Bagi orang cacat penglihatan, penciptaan sistem menggunakan kod titik timbul yang boleh dibaca secara sentuhan dinamakan sebagai Braille. Al-Quran Braille menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf-huruf *Hija'iyyah* tanda baris seperti *fathah*, *dhammah*, dan *kasrah*, serta simbol-simbol seperti *shaddah*, *sukun*, *mad* dan sebagainya merupakan salah satu alternatif bagi orang cacat penglihatan untuk berinteraksi dengan al-Quran (Normaajihan & Kauthar, 2008). Pengadaptasian braille di dalam penulisan al-Quran

bukan sahaja meluaskan akses kepada pembacaan dan penulisan al-Quran dari aspek fungsinya, bahkan memberikan mereka kepuasan dan nilai estetika yang merintis jalan ke arah pembudayaan, penghayatan dan pengamalan al-Quran sebagai panduan dalam segenap aspek kehidupan (Muhammad Mustaqim, 2013).

Melalui Sistem Braille, kini masyarakat Islam cacat penglihatan mendapat manfaat daripadanya. Ramai antara mereka sudah mampu mempelajari al-Quran tanpa mengharapkan bantuan orang lain (Siti Maisarah, 2011). Namun begitu, bimbingan dari guru al-Quran dalam bidang tajwid amat perlu kerana hukum-hukum al-Quran tidak cukup dengan sekadar tahu daripada kitab bahkan perlu kepada *talaqqi* dan *musyafahah* dengan guru serta berdamping dengan guru berdasarkan kepada perlakuan Rasulullah SAW menerima al-Quran daripada Allah dengan perantaraan malaikat Jibril A.S secara *talaqqi* dan *musyafahah* yang menjadi sunah ikutan sepanjang zaman.

Bagi menjaga kepentingan dan kebajikan golongan ini, Persatuan orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah ditubuhkan pada tahun 1996. Objektif utama penubuhan Persatuan orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan orang cacat penglihatan Islam dan menganjurkan serta menggalakkan kegiatan-kegiatan dakwah bagi faedah orang cacat penglihatan Islam antaranya adalah kelas pengajian al-Quran. Program Kelas pengajian al-Quran yang dianjurkan oleh pihak PERTIS ini adalah satu usaha yang sangat baik dan murni bagi membantu golongan yang cacat penglihatan mempelajari al-Quran. PERTIS yang berpusat di Kuala Lumpur mempunyai cawangan di lima buah negeri termasuk Kedah, Kelantan, Pahang, Terengganu dan Negeri Sembilan.

PERTIS Wilayah Terengganu (PPMMP/1487/95-00000 (4)-2388) telah ditubuhkan pada tahun 2000. Salah satu objektif penubuhannya adalah menganjurkan dan menggalakkan kegiatan-kegiatan dakwah bagi faedah orang-orang cacat penglihatan Islam antaranya kelas pengajian al-Quran. Bagi melahirkan OKU penglihatan yang celik al-Quran, PERTIS telah merangka beberapa program jangka panjang iaitu "Program Pengajian al-Quran Braille" yang dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan kerjasama daripada Yayasan Islam Terengganu (YIT). Program ini terbahagi kepada enam peringkat iaitu Kelas Asas, Kelas IQRA', Kelas Muqaddam, Kelas al-Quran, Kelas Intensif (Pemulihan) dan Kelas Hafazan al-Quran. Para peserta didedahkan dengan hukum *Nun mati* dan *Tanwin* bermula di peringkat Kelas *Muqaddam*. Hukum berkaitan *Nun mati* atau *Tanwin* merupakan hukum tajwid yang paling banyak belaku di dalam al-Quran (Jawatankuasa Pembangunan dan Penyemakan al-Quran Universiti Al-Urduniyyah, 2013). Hukum *Nun mati* atau *Tanwin* terbahagi kepada empat bahagian iaitu Izhar, *Idgham bi Ghunnah*, *Idgham bila Ghunnah*, *Ikhfa' Haqiqi* dan *Qalb*.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Golongan cacat penglihatan kurang diberi peluang dan ruang pembelajaran nasional sebagaimana golongan normal sehingga mereka tersisih dan tercicir, khususnya dalam bidang pengajian al-Quran (Mustaffa, 2010). Lokman (et al., 2009) menjelaskan bahawa golongan ini

tidak harus dipinggirkan kerana mereka mempunyai kecerdasan kognitif yang setanding dan melebihi tahap pencapaian golongan normal. Tanpa nikmat penglihatan, akses kepada ilmu pengetahuan adalah terhad kepada pembelajaran berdasarkan deria dengar, bau, sentuh dan rasa. Di samping itu, institusi agama kurang mengambil inisiatif untuk memberi kemudahan dan khidmat kepada golongan ini seperti menyediakan teks al-Quran Braille di masjid (Hajarul Bahti, 2010). Selain itu, bahan rujukan Tajwid dalam bentuk Braille amat sukar didapati. Akibatnya, mereka hanya bergantung kepada pengajaran lisan semata-mata. Oleh itu, mereka perlu diberi kemudahan-kemudahan seperti alat bantu pembelajaran dan kaedah serta pendekatan pengajaran yang berkesan dan sesuai bagi meningkatkan kemahiran membaca al-Quran (Mohd Rahmat dan Ajmain, 2002. Alimah, 2006).

Sepanjang sorotan literatur yang dilakukan, kajian yang melibatkan orang cacat penglihatan telah menarik minat ramai pengkaji antaranya (Sharifah Haslina, 2010) telah mengkaji tentang penyediaan fasiliti dan kemudahan terhadap orang kelainan upaya penglihatan di sebuah sekolah. Dapatkan kajian menyatakan bahawa fasiliti OKU penglihatan masih berada di tahap yang rendah di mana masih terdapat kemudahan yang tidak disediakan termasuklah fasiliti pendidikan yang menjelaskan penguasaan pembelajaran terutamanya bidang al-Quran. Manakala Kajian Mustaffa (2010) menjalankan kajian tentang peranan dan sumbangan insitusi agama terhadap perkembangan pengajian al-Quran terhadap golongan cacat penglihatan. Rumusan daripada kajian beliau menyatakan bahawa Institusi masjid tidak mengambil inisiatif untuk memberi kemudahan dan khidmat kepada golongan cacat penglihatan berbanding peranan yang dimainkan oleh institusi gereja dalam menjaga kebijakan dan keperluan golongan cacat penglihatan, meskipun terdapat usaha untuk mengadakan pengajian al-Quran di masjid.

Rumiza (2010) menjalankan kajian berkenaan kelas Pengajian al-Quran yang hanya memfokuskan kepada pengajian al-Quran dalam kalangan ahli Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di Kuala Lumpur dan Terengganu bagi mengetahui tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Quran dalam kehidupan seharian. Kajian tersebut juga memfokuskan kepada metode yang digunakan dalam kelas pengajian al-Quran. Dapatkan kajian melaporkan bahawa kefahaman dan pengamalan al-Quran di dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu kepada orang lelaki adalah tinggi berbanding perempuan. Manakala Hajarul (et. al., 2012) bertujuan untuk mendapat gambaran tentang tahap penguasaan bacaan al-Quran dari aspek *Nun Sakinah* kepada pelajar-pelajar bermasalah penglihatan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan Program Integrasi Pendidikan Khas di Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap hukum *Nun Sakinah* berada pada tahap yang sangat lemah.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dinyatakan, penglibatan golongan cacat penglihatan dalam kelas-kelas pengajian al-Quran di PERTIS mendapat sambutan yang baik namun kajian secara khusus tentang penguasaan hukum Tajwid dalam kalangan orang cacat penglihatan yang kebanyakannya telah bekerja kurang ditinjau dan dikaji terutamanya dari aspek penguasaan teori dan praktikal. Kebanyakan kajian hanya tertumpu kepada faktor luaran seperti penyediaan fasiliti, kefahaman dan pengamalan al-Quran serta kaedah pengajaran yang digunakan. Kajian yang menumpukan penguasaan pula hanya tertumpu kepada pelajar sekolah

tanpa mengambil kira golongan dewasa yang telah melepassi alam persekolahan. Kekurangan dan keterbatasan data-data seumpama ini merupakan dorongan utama pelaksanaan kajian ini. Justeru, kajian ini cuba menganalisis secara lebih terperinci bacaan al-Quran golongan cacat penglihatan bagi mendapatkan satu gambaran yang jelas dan impirikal tentang tahap penguasaan secara teori dan praktikal bagi lima konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin*. Hasil dapatan diharap dapat menjadi asas dan membuka mata pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan inisiatif bagi meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran di dalam kalangan orang cacat penglihatan di dalam negara.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mendapat gambaran tentang tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* dalam bacaan al-Quran bagi golongan cacat penglihatan di Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) cawangan Kuala Terengganu. Secara lebih khusus, kajian ini dilakukan berdasarkan objektif berikut,

1. Mengenal pasti tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara keseluruhan.
2. Mengenal pasti tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dan tahap penguasaan secara praktikal.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat perkaitan signifikan antara skor penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dengan skor penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara praktikal dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu.

## **PERSOALAN KAJIAN**

1. Bagaimakah tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara keseluruhan dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu?
2. Bagaimakah tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dan tahap penguasaan secara praktikal dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu?
3. Adakah terdapat perkaitan signifikan antara skor penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dengan skor penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara praktikal dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif. Reka bentuk kajian ini berbentuk bukan eksperimental yang seringkali digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya bidang sains sosial seperti pendidikan (Noraini, 2010). Metodologi kajian merangkumi perkara-perkara berikut,

a) Sampel

Sampel terdiri daripada peserta Kelas al-Quran di PERTIS yang mampu menguasai bacaan al-Quran menggunakan al-Quran Braille pada tahap ke empat dan menguasai hukum-hukum asas tajwid seperti hukum *Nun* mati atau *Tanwin* serta telah didedahkan dengan *makhraj* huruf dan hukum-hukum tajwid yang lebih tinggi. Daripada jumlah populasi orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu, seramai 20 orang sahaja yang terdiri daripada 11 lelaki dan 9 perempuan. Oleh yang demikian, jumlah sampel dalam kajian ini merangkumi 20 orang cacat penglihatan kerana penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* hanyalah dapat diukur kepada sampel yang boleh membaca al-Quran dengan baik sahaja. Menurut Krejcie dan Morgan, jika populasi kurang dari 100, maka tiada pemilihan rawak dilakukan.

b) Instrument Kajian

Satu set Ujian Lisan telah disediakan untuk mengukur tahap penguasaan orang cacat penglihatan terhadap hukum *Nun* mati atau *Tanwin*. Soalan ujian adalah dalam bentuk kod Braille al-Quran yang ditaip menggunakan mesin taip Braille. Pengkaji tidak menyediakan kertas soalan ujian menggunakan titik Braille kerana menjadi kesulitan untuk menyediakan dan mencetak kertas soalan menggunakan mesin taip Braille kepada setiap responden, begitu juga menjadi kesulitan kepada responden untuk menjawab menggunakan mesin taip Braille. Responden akan diuji dengan 15 item soalan yang dipilih daripada juzuk satu dan dua dari Surah al-Baqarah. Terdapat 5 konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin* yang telah dinilai dalam ujian bacaan iaitu *Izhar Halqi*, *Ikhfa' Haqiqi*, *Idgham bi Ghunnah*, *Idgham bila Ghunnah* dan *Qalb*. Setiap konstruk diwakili oleh 3 item. Bacaan responden dirakam dan dianalisis untuk menghuraikan tahap penguasaan bacaan dari aspek teori dan praktikal. Bagi ujian praktikal, responden akan memperdengarkan bacaan yang menepati hukum tajwid dengan menggunakan deria sentuh seterusnya menyatakan hukum tajwid bagi ayat yang bergaris dalam soalan tersebut untuk ujian teori. Pengkaji hanya akan menanda betul dan salah pada kertas jawapan bacaan secara praktikal dan teori. Jawapan akan dianalisis satu persatu secara deskriptif berdasarkan peratusan betul dan salah.

## DAPATAN KAJIAN

Data untuk kajian ini dikumpulkan melalui data kuantitatif. Dokumen yang dijana adalah dapatan dari data kuantitatif yang diperolehi daripada ujian bacaan al-Quran. Data kuantitatif akan dianalisis secara statistik deskriptif untuk menunjukkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah dengan menggunakan perisian IBM “Statistical Packages for Social Science” (SPSS) versi 26.0 untuk memperolehi frekuensi, min dan peratusan bagi setiap item soalan. Setiap soalan yang dijawab diberi markah atau skor. Skor dibina bagi melihat tahap penguasaan bacaan al-Quran. Data-data tentang *konstruk* terpilih diinterpretasikan berdasarkan objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini.

### **Penguasaan Hukum *Nun* Mati Atau *Tanwin* Secara Keseluruhan.**

Tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara keseluruhannya dibahagikan kepada enam tahap berdasarkan sumber yang telah diguna oleh (Farehan, 2000) dan (Mohd Aderi, 2008). Jadual 1 berikut memaparkan dapatan analisis penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* dalam bacaan al-Quran bagi orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu.

*Jadual 1: Jadual Interpretasi Bacaan al-Quran*

<b>Skor ujian bacaan al-Quran</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>	<b>Tahap</b>
0 – 50	1	5	Sangat Lemah
51 – 60	2	10	Lemah
61 - 70	1	5	Sederhana
71 – 80	4	20	Baik
81 – 90	1	5	Sangat Baik
91 - 100	11	55	Cemerlang
<b>Jumlah (N)</b>	<b>20</b>	<b>100</b>	
Min keseluruhan = 84.00		Sisihan piawai = 19.54	

Jadual di atas menunjukkan analisis kekerapan skor ujian bacaan al-Quran orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu secara keseluruhan. Kekerapan bagi skor 91-100 adalah paling ramai iaitu seramai 11 orang responden (55%) diikuti dengan kekerapan skor ujian 71-80 iaitu seramai 4 orang (20%) seterusnya 2 orang responden (10%) bagi skor ujian 51-60. Manakala bagi kekerapan skor ujian antara 0-50, 61-70 dan 81-90 masing-masing dengan seorang responden (5%). Min ujian bacaan al-Quran secara keseluruhan ( $\text{min}=84.00$ ,  $\text{sp}=19.54$ ) menunjukkan bahawa tahap penguasaan bacaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* di dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu berada pada tahap yang sangat baik. Skor markah tertinggi adalah 100%, manakala skor markah terendah adalah 30.00%.

### **Tahap Penguasaan Hukum *Nun* Mati Atau *Tanwin* Secara Teori Dan Praktikal**

Bahagian ini membincangkan persoalan kajian yang ke 2: Bagaimanakah tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dan tahap penguasaan secara praktikal dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu? Analisis untuk mengetahui tahap penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penguasaan secara teori dan penguasaan secara praktikal.

#### **1) Penguasaan Secara Teori**

Analisis terperinci terhadap tahap penguasaan secara teori berdasarkan konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin* adalah sebagaimana jadual berikut,

*Jadual 2: Penguasaan Secara Teori Konstruk Hukum Nun Mati Atau Tanwin*

<b>Konstruk Hukum Nun Mati atau Tanwin</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<i>Izhar Halqi</i>	80.00	38.08
<i>Idgham bi Ghunnah</i>	86.67	31.34
<i>Idgham bila Ghunnah</i>	86.67	31.34
<i>Ikhfa' Haqiqi</i>	80.00	38.08
<i>Qalb</i>	90.00	24.42

**N=20****Min keseluruhan = 84.67****Sisihan piawai = 29.03**

Jadual 2 menunjukkan Penguasaan Secara Teori setiap konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin*. Hasil analisis mendapat terdapat perbezaan terhadap penguasaan secara teori bagi setiap konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin*. Skor min bagi hukum *Izhar Halqi* dan *Ikhfa' Haqiqi* adalah sama iaitu dengan (min=80 sp=38.08) begitu juga penguasaan hukum *Idgham bi Ghunnah* dan *Idgham bila Ghunnah* secara teori mencatat nilai yang sama iaitu (min=86.67 sp=31.34). Manakala penguasaan teori yang paling banyak adalah pada hukum *Qalb* iaitu (min=90.00 sp=24.42). Walaubagaimana pun, berdasarkan Jadual 1, min keseluruhan penguasaan secara teori bagi hukum *Nun* mati atau *Tanwin* iaitu (min=84.67 sp=29.03) menunjukkan bahawa penguasaan secara teori berada pada tahap yang sangat baik.

## 2) Penguasaan Secara Praktikal

Analisa terperinci terhadap tahap penguasaan secara praktikal berdasarkan konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin* adalah sebagaimana jadual berikut,

*Jadual 3: Penguasaan Secara Praktikal Konstruk Hukum Nun Mati Atau Tanwin*

<b>Konstruk Hukum Nun Mati atau Tanwin</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<i>Izhar Halqi</i>	100.00	0.00
<i>Idgham bi Ghunnah</i>	80.00	36.51
<i>Idgham bila Ghunnah</i>	91.67	23.88
<i>Ikhfa' Haqiqi</i>	75.00	37.27
<i>Qalb</i>	70.00	40.32

**N=20****Min keseluruhan = 83.33****sisihan piawai = 21.47**

Jadual 3 menunjukkan penguasaan secara praktikal bagi konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin*. Kajian mendapat penguasaan hukum *Izhar Halqi* adalah paling tinggi iaitu (min=100 sp=0.00). Ini menunjukkan bahawa semua responden dapat menguasai hukum *Izhar Halqi* secara praktikal semasa membaca al-Quran melebihi konstruk hukum yang lain. Penguasaan hukum *Qalb* dari segi praktikal pula menunjukkan min yang paling rendah berbanding konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin* yang lain iaitu (min=70.00 sp=40.32). Manakala penguasaan secara praktikal bagi hukum *Idgham bila Ghunnah* mencatat (min=91.67 sp=23.88), *Idgham bi Ghunnah* mencatat (min=80.00 sp=36.51) dan *Ikhfa' Haqiqi* mencatat (min=75.00 sp=37.27).

Secara keseluruhannya, berdasarkan Jadual 1 penguasaan secara praktikal bagi hukum *Nun* mati atau *Tanwin* berada pada tahap yang sangat baik dengan mencatat ( $\text{min}=83.33$   $\text{sp}=21.47$ ).

### **Perkaitan Antara Penguasaan Secara Teori Dan Praktikal.**

Jadual 4 menunjukkan perkaitan antara skor penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dengan skor penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara praktikal dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu. Keputusan analisis ujian korelasi Spearman menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan signifikan penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dengan penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara praktikal dalam kalangan orang cacat penglihatan di PERTIS Kuala Terengganu ( $p > 0.01$ ). Berdasarkan Jadual Nilai Pekali Kolerasi (Chua, 2008) nilai pekali korelasi ( $r = 0.283$ ) yang diperoleh menunjukkan bahawa tahap korelasi antara dua pemboleh ubah adalah berada pada tahap yang sangat lemah. Perhubungan yang lemah ini menunjukkan bahawa penguasaan secara teori tidak berhubung kait dengan penguasaan secara praktikal terhadap hukum *Nun* mati atau *Tanwin*.

*Jadual 4: Kaitan Penguasaan Teori dan Penguasaan Praktikal*

<b>Hubungan antara pemboleh ubah</b>	<b>Nilai r</b>	<b>Signifikan</b>
<b>Penguasaan Teori dan Penguasaan Praktikal</b>	0.283	0.226

\*\* Tidak Signifikan kerana nilai  $p > 0.01$

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis dapatan kajian yang dilakukan, tahap penguasaan responden terhadap konstruk hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara keseluruhannya adalah amat baik dan membanggakan. Inisiatif yang diambil oleh PERTIS, iaitu dengan mengadakan Kelas pengajian al-Quran secara berkala telah meningkatkan kemampuan membaca al-Quran secara bertajwid. Penyusunan tahap kelas dari atas mengenal huruf *hija'iyyah* Braille sehingga tahap kelas intensif dan pemulihan adalah sangat membantu orang cacat penglihatan meningkatkan tahap bacaan al-Quran. Kelas ini telah diadakan sebanyak tiga kali per minggu. Bahkan, pihak Yayasan Islam Terengganu (YIT) telah meminjamkan khidmat beberapa orang tenaga pengajar mereka kepada pihak PERTIS bagi mengukuhkan kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid serta mengadakan Kelas *Tahsin* kepada beberapa orang cacat penglihatan yang akan berperanan sebagai fasilitator kepada rakan-rakan yang lain.

Dapatkan lain menunjukkan bahawa min bagi penguasaan teori dan praktikal berada pada tahap yang amat baik namun perbandingan di antara min skor secara teori dan praktikal mendapati penguasaan *Nun* mati atau *Tanwin* dalam kalangan orang cacat penglihatan adalah lebih tinggi pada teori berbanding secara praktikal. IaHal ini kemungkinan disebabkan oleh kesukaran melakukan dua perkara secara serentak dalam satu tempoh masa yang singkat. Seperti yang diketahui, golongan orang cacat penglihatan perlu membaca ayat-ayat al-Quran dengan menggerakkan hujung jari berdasarkan titik timbul. Perlakuan ini mungkin menambahkan kerumitan untuk membaca ayat al-Quran serta mempraktikkan hukum-hukum

Tajwid dalam masa yang sama. Begitu juga dengan bahan bantu pengajaran yang kurang dan terhad dalam tulisan Braille terutamanya dalam ilmu tajwid menyebabkan responden tidak dapat mengulang kaji pelajaran tajwid sebelum kelas yang berikutnya (Hajarul Bahti Zakaria et. al., 2010). Semasa proses pembelajaran juga, responden hanya mempunyai akses yang terhad terhadap apa yang disampaikan oleh guru dan tertumpu hanya kepada pengajaran guru secara lisan.

Dapatan terakhir dalam kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan signifikan penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori dengan penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara praktikal. Kemungkinan tiada perkaitan antara dua penguasaan ini kerana item yang disoal adalah sangat sedikit dan perbezaan min bagi kedua-dua penguasaan teori dan penguasaan praktikal adalah amat sedikit iaitu 1.34 sahaja. Walaupun analisis inferensi tidak dijalankan, dapatan ini boleh memberi indikator awal bahawa penguasaan hukum *Nun* mati atau *Tanwin* secara teori tidak semestinya mempengaruhi praktikal pembacaan al-Quran dengan tepat. Ini adalah kerana aktiviti untuk mengulang kaji tajwid di-rumah susah untuk memperbetulkan bacaan dan hanya dapat dilakukan bersama dengan guru yang memahami kod Braille walaupun mereka dibekalkan dengan al-Quran Braille untuk kegunaan diluar waktu kelas pengajian al-Quran. Penguasaan praktikal juga dipengaruhi oleh tahap kesihatan responden kerana responden kebanyakannya terdiri daripada warga dewasa yang ada di-antaranya telah berumur dan deria sentuhan telah semakin berkurang disebabkan oleh penyakit dan faktor pekerjaan yang dilakukan.

## PENUTUP

Tilawah al-Quran perlu diberi perhatian oleh semua terutamanya orang kelainan upaya penglihatan dan juga guru yang mengajar. Guru juga perlu mempersiapkan diri dengan pendekatan yang sesuai agar golongan ini dapat mengambil manfaat yang maksimum. Pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Kini kaedah pembelajaran al-Quran dibantu dengan pelbagai media seperti media cetak, media komunikasi, laman web, dan cakera padat. Justeru pengajaran golongan cacat penglihatan juga boleh menggunakan pelbagai media tersebut sebagai sokongan dalam proses pembelajaran yang lebih berkesan di samping guru memainkan peranan utama bagi memastikan pengajaran yang berkesan terhadap pelajar-pelajarnya menggunakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* sebagaimana yang biasa digunakan dalam kaedah pengajaran al-Quran sejak lama dahulu. Justeru, kajian ini diharap dapat memberi manfaat agar dapat memartabatkan nilai penghayatan dan pembudayaan membaca al-Quran di dalam kalangan orang cacat penglihatan. Pihak kerajaan juga perlu memberi insentif dan kemudahan pengangkutan kepada orang cacat penglihatan untuk menggalakkan mereka melibatkan diri dengan kelas-kelas sebegini agar mereka bermotivasi dan bersaing dengan masyarakat luar.

## RUJUKAN

- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang@Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. (2010). *Isu Dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November, 751-762.
- Lokman Mohd Tahir, Nurul Qistin Mustafa & Mohd Hanafi Mohd Yassin. (2009). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 24,73-87.
- Mohd Rahmat Ahmad Nowawi & Ajmain Safar. (2002). *Perlaksanaan Pembelajaran Al-Quran Dengan Menggunakan Tulisan Braille Terhadap Pelajar-Pelajar Cacat Penglihatan Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Johor Bahru*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhad Bidin. (2010). *Amalan bacaan al-Quran Masyarakat Terengganu*. Kertas kerja. Seminar Antarabangsa Qiraat dan Qurra', Gong Badak: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mustaffa Abdullah. (2010). *Institusi Masjid dan Sumbangannya Dalam Pengajian al-Quran Kepada Golongan Cacat Penglihatan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustaffa Abdullah. (2010). *Pengajian Al-Quran Dalam Kalangan orang-orang Cacat penglihatan Di Malaysia*. Jurnal al-Bayan, 8, 21-34.
- Noornajihan Jaafar & Kauthar Abdul Kader. (2008). *Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia*, Seminar Warisan Quran dan Hadith Nusantara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Ismail, Nabil Mohammad Ibrahim. (2000). *Ilmu Qiraat: Nash'atuhu, Atwaruhu, Wa Atharuhu fi Ulum al-Syar'iyyah*. Riyadh: Maktabah al-Taubah.
- Al-Juraisi, Muhammad Makki Nasr. (t.t). *Nihayah Al-Qaulu Al-Mufid fi Ilmi al-Tajwid*. Qaherah: Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Quran al-Karim.
- Chua, Yan Piaw. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan*. Perpustakaan Negara Malaysia: McGraw Hill.
- Hassan Ayyub. (2007). *Al-Hadith fi Ulum al-Quran wa al-Hadith*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Jawatankuasa Pembangunan dan Penyemakan al-Quran Universiti Al-Urduniyyah. 2013. *Al-Munir fi Ahkam Al-Tajwid*. Amman: al-Matabi' al-Markaziyyah.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2013). *Braille al-Quran, Sejarah dan Kaedah*, Cetakan Pertama. Negeri Sembilan: USIM.
- Noraini Idris. (2010). *Instrumentasi Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Alimah Abd Rahman. (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Menerusi Tulisan Braille Di Sebuah Sekolah*. Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan.
- Rumiza Abd Rahman. (2010). *Pengajian Al Quran Dalam Kalangan orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Di Kuala Lumpur Dan Kuala Terengganu*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sharifah Haslina Syed Samaldin. (2010). *Penyediaan Fasiliti orang Kelainan Upaya Penglihatan Di Sekolah-Sekolah Pendidikan Khas (Kes Kajian: Sekolah-Sekolah Pendidikan Khas Bermasalah Penglihatan)*. Tesis Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Siti Maisarah Sheikh Rahim. (2011). *Nilai al-Quran Braille Kepada OKU*. Bicara Agama: Utusan Malaysia. Tarikh akses 17 ogos 2011.